

17 Julai, 1981

Kerusi Ahli Parlimen Sri Gading dikosong lepas Lebaran

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis — Tun Hussein Onn akan mengosongkan kerusi ahli Parlimen Sri Gading dalam minggu pertama selepas Hari Raya Puasa bagi membolehkan pilihanraya kecil diadakan pada bulan September.

Sumber-sumber yang rapat dengan UMNO memberitahu Tun Hussein memutuskan untuk tangguh mengosongkan kerusi tersebut memandangkan pergolakan yang berlaku dalam UMNO Johor.

Di samping itu, beliau tidak mahu melinat pilihanraya kecil diadakan dalam bulan puasa.

Ketua Bahagian UMNO Sri Gading dan juga Setiausaha Politik Tun Hussein sendiri, Encik Mustafa Mohamad, disebut sebagai calon penggantinya.

Sumber tersebut menyatakan Tun Hussein telah pun mencadangkan nama Encik Mustafa sebagai calon penggantinya memandangkan Encik Mustafa telah memberi sumbangan yang besar sejak beliau berkhidmat dalam Kabinet.

Encik Mustafa telah berkhidmat sebagai Setiausaha Politik Tun Hussein sejak lapan tahun lalu. Beliau telah membuktikan kemampuan dan ketokohnya selama itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO telah merestui agar Encik Mustafa menjadi calon dalam pilihanraya kecil tersebut.

Begitu juga dengan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Johor, Tan Sri Othman Saat menyokong pencalonan Encik Mustafa.

Berita Harian difahamkan UMNO Bahagian Sri Gading telah pun bersiap sedia untuk menghadapi pilihanraya kecil tersebut.

Bahagian tersebut mahu Encik Mustafa sendiri menjadi calon dan ahli Parlimen kawasan mereka.

Encik Mustafa ketika ditemui bagaimanapun enggan membuat sebarang komen. Hanya berkata, "terserah kepada parti untuk memutuskannya."